PANDUAN DALAM PERANCANGAN CUKAI KOPERASI



Julizah Sabstu
Pusat Kewangan dan Akaun
julizah@ikma.edu.my



Pengenalan

Dalam memastikan koperasi sentiasa mematuhi Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP1967), ALK perlu memastikan perancangan percukaian dibuat pada setiap tahun. Perancangan cukai merupakan kegiatan yang sah disisi undang-undang di mana aktivitinya adalah untuk meminimumkan liabiliti cukai dengan merancang hal ehwal percukaian koperasi dengan menggunakan peruntukan-peruntukan perundangan yang dibenarkan dalam ACP 1967.

Namun ia memerlukan kemahiran, ilmu percukaian dan perakaunan untuk mengelakkan daripada koperasi tergolong dalam aktiviti pelarian dan pengelakan cukai. Pelarian cukai merupakan aktiviti yang menyalahi ACP 1967 dan akan dikenakan penalti. Penalti yang boleh disabitkan kesalahan di bawah aktiviti pelarian cukai adalah melalui peruntukan seksyen 112,113 114, dan 140 ACP 1967. Bagi pengelakan cukai pula adalah disebabkan berlakunya kelompangan dalam Akta Cukai itu sendiri dan tidak dikenakan penalti tetapi kegiatan tersebut adalah menyalahi undang-undang.


Perancangan cukai yang baik dan dijalankan setiap tahun bukan sahaja boleh memberikan kebaikan kepada koperasi seperti melindungi daripada bayaran cukai yang tinggi tetapi dapat meningkatkan pendapatan boleh guna koperasi, menggunakan segala peruntukan potongan, relief dengan maksimum yang dibenarkan oleh ACP1967 serta dapat mengurangkan imej yang buruk kepada koperasi akibat pengelakan dan pelarian cukai.

Panduan koperasi dalam perancangan cukai

Berikut merupakan panduan perancangan cukai yang menjadi kewajipan ALK untuk memastikan koperasi mematuhi ACP 1967 walaupun koperasi dikecualikan cukai iaitu:

1. Pengetahuan berkaitan Kitaran Percukaian Koperasi

Kitaran percukaian koperasi perlu difahami oleh ALK sebelum pengurusan cukai lain dijalankan. Kitaran percukaian ini merupakan maklumat utama yang perlu diberikan perhatian oleh ALK untuk mengelakkan daripada berlakunya pelarian dan pengelakan cukai serta mematuhi peruntukan Akta Percukaian 1967. Kitaran percukaian koperasi berbeza antara koperasi baharu dan koperasi yang telah lama beroperasi serta boleh dirujuk dalam Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Kitaran percukaian koperasi

Proses pertama adalah setiap koperasi yang berdaftar dengan SKM perlu mendaftar cukai dan mengemaskini profil melalui e-daftar dan e-kemaskini dalam laman web LHDN. Selain daripada melalui e-daftar, koperasi juga boleh hadir ke kaunter LHDN dengan membawa salinan sijil pendaftaran SKM, salinan buku undang-undang kecil koperasi, borang CP60CS yang telah lengkap diisi dan maklumat ALK seperti maklumat pengerusi, setiausaha dan bendahari.

Proses kedua adalah menganggar cukai melalui borang e-CP204. Terdapat perbezaan antara koperasi baharu dan koperasi yang telah lama beroperasi. Bagi koperasi baharu anggaran borang cukai perlu dihantar dalam masa 3 bulan pertama sebaik sahaja koperasi beroperasi manakala koperasi yang telah lama beroperasi hendaklah menghantar anggaran tidak lebih daripada 30 hari sebelum bermula tempoh asas.

Proses ketiga adalah pembayaran cukai atau dikenali sebagai pendahuluan. Bagi koperasi baharu bayaran mula dibuat pada bulan keenam semasa tempoh asas koperasi manakala koperasi yang telah lama beroperasi adalah bulan kedua dalam tempoh asas. Tarikh bayaran akan bermula pada sebelum atau pada 15 haribulan.

Proses keempat pula, koperasi hendaklah mengisikan borang CP204 berkaitan pengisytiharan cukai melalui sistem e-filling atau secara manual iaitu hantar terus kepada LHDN. Penghantaran dan pembayaran tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh 7 bulan dari tarikh penutupan akaun.

Proses kelima pula sekiranya koperasi berlaku pindahan anggaran dalam pembayaran cukai hendaklah dilakukan oleh koperasi pada bulan keenam dan kesembilan dalam tempoh Asas. Borang yang perlu diisi oleh koperasi adalah borang nyata terpinda koperasi (BNT CS).

Proses keenam pula adalah koperasi dapat surat cukai atau surat dilepaskan cukai daripada cawangan LHDN.

Jadual 1: Ringkasan berkaitan cukai koperasi

	Koperasi Baru	Koperasi Sedia Ada
Hantar Anggaran	Dalam masa 3 bulan pertama operasi	30 hari sebelum mula tempoh asas
Mula Bayar	Bulan ke-6 tempoh Asas	Bulan ke-2 tempoh Asas
Tarikh Bayaran	Sebelum/pada 15 haribulan	
Pindaan Anggaran	Bulan ke-6 dan ke-9 Tempoh Asas	
Penghantaran borang	Hantar Borang Anggaran cukai (CP204) secara e-filing atau hantar secara manual ke Pusat pemprosesan LHDNM	

2. Penyata kewangan yang dihasilkan oleh koperasi

Penyediaan penyata kewangan dengan betul dan tepat adalah penting dalam perancangan cukai. Penyata kewangan koperasi meliputi penyata kedudukan kewangan (kunci kira-kira), penyata untung rugi, penyata pembahagian keuntungan, penyata aliran tunai dan nota penyata kewangan. Penyata kewangan ini penting semasa proses pengiraan cukai, mengisi borang anggaran cukai dan pembayaran cukai melalui e-filling.

Kelebihan koperasi sama ada berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993, Akta Pertubuhan Peladang 1973, pertubuhan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat tetapi didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 seperti Bank Koperasi dan Persatuan Nelayan di bawah Akta Persatuan Nelayan 1971 adalah melalui potongan melalui seksyen 65A. Seksyen 65A pula terbahagi kepada dua iaitu Seksyen 65 A (a) dan (b).

Seksyen 65 A (a)

Seksyen 65 A (a) merupakan amaun yang dipotong daripada jumlah pendapatan iaitu jumlah yang dipindahkan atau dibayar oleh koperasi dalam tempoh asas kepada:

- Kumpulan wang rizab berkanun (KWRS);
- Institusi pelajaran dan/atau pertubuhan koperasi yang diwujudkan untuk memajukan prinsip-prinsip koperasi; atau
- Tabung Amanah Pendidikan Koperasi

Amaun potongan tersebut adalah tidak boleh melebihi 25% daripada keuntungan bersih beraudit koperasi bagi tempoh asas tersebut.

Seksyen 65 A (b)

Amaun potongan iaitu 8% (atau peratusan tertentu yang ditetapkan) daripada kumpulan wang anggota pada hari pertama dalam tempoh asas untuk tahun taksiran tersebut. Kumpulan Wang Anggota (KWA) adalah seperti berikut:

- Modal berbayar
  Ia merupakan saham dan yuran tetapi tidak termasuk saham bonus yang diterbitkan dari rezab modal yang diwujudkan daripada penilaian semula aset-aset tetap
- Kumpulan Wang Rizab Berkanun
- Baki Akaun Premium Saham
  Ia tidak termasuk jumlah yang dikreditkan semasa saham bonus diterbitkan pada kadar premium daripada rezab modal yang diwujudkan daripada penilaian semula aset-aset tetap
- Rezab
  Selain daripada rezab modal yang diwujudkan daripada penilaian semula aset tetap dan peruntukan-peruntukan susutnilai, pembaharuan atau penggantian dan susutan dalam nilai aset
- Baki Akaun Pengasingan Untung Rugi

3. Dokumentasi

Mengikut Peraturan Koperasi 2010 berkaitan segala buku, akaun dan penyata kewangan hendaklah disimpan oleh koperasi selama tempoh enam (6) tahun selepas tarikh selesai pegauditan. Namuni bagi ACP1967, Subseksyen 82A mewajibkan semua entiti perniagaan termasuk koperasi perlu menyimpan dokumen dalam masa 7 tahun. Sekiranya gagal akan dikenakan tindakan kerana dianggap memfail Borang Nyata Cukai Pendapatan yang tidak betul kerana tiada bukti. Pembayar cukai termasuk koperasi boleh didakwa dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak kurang RM300 dan tidak lebih RM10,000 atau dipenjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua – duanya.

4. Kadar cukai

Kadar cukai bagi koperasi adalah berbeza berbanding kadar cukai syarikat. Kadar cukai koperasi berdasarkan banjaran pendapatan bercukai yang dikategorikan kepada lapan kategori bermula daripada kategori A sehingga H. Manakala bagi kadar cukai syarikat pula melihat kepada modal berbayar sesebuah syarikat sama ada melebihi atau tidak melebihi RM2.5 juta.

Penetapan kadar cukai koperasi adalah di antara 0% sehingga 24%. Bagi pendapatan bercukai antara RM1 sehingga RM30,000 adalah pada kadar 0% dan tiada cukai akan dikenakan. Manakala bagi kategori B sehingga H adalah mengikut lapisan banjaran pendapatan yang telah ditetapkan di mana banjaran pendapatan teratas ditetapkan dan selebihnya adalah berdasarkan kadar cukai yang ditetapkan. Segala penerangan tersebut boleh rujuk dalam Rajah 2.

Rajah 2: Kadar cukai berdasarkan banjaran pendapatan bercukai koperasi

Kategori	Banjaran Pendapatan Bercukai	Pengiraan (RM)	Kadar %	Cukai (RM)
A	1 – 30,000	30,000 pertama	0	0
B	30,001 – 60,000	30,000 berikutnya	5	1,500
C	60,001 – 100,000	60,000 pertama 40,000 berikutnya	10	1,500 4,000
D	100,001 - 150,000	100,000 pertama 50,000 berikutnya	15	5,500 7,500
E	150,001 – 250,000	150,000 pertama 100,000 berikutnya	18	13,000 18,000
F	250,001 – 500,000	250,000 pertama 250,000 berikutnya	21	31,000 52,500
G	500,001 – 750,000	500,000 pertama 250,000 berikutnya	23	83,500 57,500
H	750,000 dan ke atas	750,000 pertama setiap ringgit berikutnya	24	141,000 .....
I	Potongan yang dibenarkan ke atas pendapatan berasaskan kepada jumlah amaun kumpulan wang ahli-ahli		8	.....

Sumber: LHDN

5. Pendapatan koperasi

Kefahaman dalam mengiktiraf pendapatan koperasi penting dalam percukaian. Ini kerana terdapat pendapatan yang dikenakan cukai dan juga dikecualikan cukai. Melalui seksyen 4 ACP1967, segala pendapatan di bawah adalah layak dikenakan cukai termasuk juga koperasi. Ia boleh dirujuk melalui daripada seksyen 4(a) sehingga 4 (f) ACP 1967 iaitu:

- Seksyen 4(a)- perolehan atau keuntungan daripada perniagaan
- Seksyen 4(b)- perolehan atau keuntungan daripada penggajian
- Seksyen 4(c)- dividen/faedah atau sewa
- Seksyen 4(d)- *royalty*/sewa/premium
- Seksyen 4(e)- Pencen / Anuiti / Bayaran berkala lain
- Seksyen 4(f)- Perolehan-Perolehan atau keuntungan- keuntungan lain

Walau bagaimanapun, bagi pendapatan daripada geran/ bantuan/subsidi yang diberikan daripada kerajaan persekutuan/negeri adalah dikecualikan cukai mengikut P.U (A) 207. Manakala selain daripada kerajaan persekutuan/negeri akan dikenakan cukai.

6. Perbelanjaan dibenarkan atau tidak untuk penolakan cukai

Dalam perancangan cukai koperasi, tidak semua perbelanjaan yang dimasukkan dalam akaun untung rugi adalah termasuk dalam perbelanjaan

yang boleh ditolak cukai. Melalui ACP1967, terdapat tiga pengkelasan belanja iaitu:

- Perbelanjaan yang boleh dibenarkan untuk penolakan cukai

  Melalui seksyen 33 ACP1967, segala perbelanjaan yang kesemua atau semata-mata digunakan untuk mendapatkan perniagaan boleh dibenarkan untuk penolakan cukai. Contohnya adalah upah/gaji, sewa premis perniagaan, pengangkutan dan lain-lain.
- Perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk penolakan cukai

  Melalui seksyen 39 ACP1967, segala belanja yang dilakukan bagi tujuan persendirian, pembelian aset peribadi serta belanja permulaan adalah tidak dibenarkan dan perlu ditambah balik dalam pengiraan cukai. Contohnya adalah:
  - Derma –derma kepada institusi yang tidak diluluskan di bawah subseksyen 44(6)
  - Perbelanjaan Mesyuarat Agung dan yang berkaitan
  - Penalti/kompaun/denda bagi kesalahan yang melanggar undang-undang
  - Hapuskira aset yang tidak boleh digunakan dalam perniagaan
  - Belanja permulaan/penutupan perniagaan
  - Perbelanjaan modal – pembelian aset
  - Peruntukan hutang lapuk – am
  - Susut nilai hartanah, loji & peralatan.
- Perbelanjaan khusus yang dibenarkan

  Melalui subseksyen 34(6) ACP1967 menyatakan terdapat perbelanjaan khusus yang dibenarkan untuk penolakan cukai. Ianya adalah seperti berikut:
  - Perbelanjaan majikan atas peralatan untuk membantu pekerja kurang upaya (OKU)
  - Perbelanjaan bagi penerbitan dalam bahasa kebangsaan
  - Sumbangan kepada perpustakaan
  - Perbelanjaan menaja aktiviti kesenian dan kebudayaan
  - Perbelanjaan mengadakan perkhidmatan, kemudahan awam dan sumbangan kepada badan amal atau projek awam
  - Perbelanjaan majikan bagi penyediaan dan penyelengaraan Pusat Asuhan Kanak-Kanak untuk manfaat pekerja
  - Perbelanjaan majikan bagi penyediaan kumpulan muzik atau kebudayaan

7. Potongan dua kali

Selain daripada belanja di atas, terdapat juga belanja tertentu yang diberikan potongan dua kali. Ia adalah:

- Perbelanjaan penyelidikan (tidak berkaitan dengan perniagaan) yang diluluskan
- Sumbangan kepada institusi penyelidikan yang diluluskan atau bayaran bagi kegunaan perkhidmatan institusi/syarikat penyelidikan yang diluluskan
- Perbelanjaan atas usaha mendapatkan pensijilan daripada sistem kualiti dan standard serta halal.
- Penggajian bagi pekerja kurang upaya
- Kos latihan pekerja

8. Elaun modal

Dalam percukaian, terdapat jadual 3 dalam ACP1967 berkaitan tuntutan elaun modal yang dibenarkan daripada pembelian aset koperasi. Ia diberi tolakan daripada pendapatan perniagaan sebagai ganti kepada perbelanjaan susut nilai bagi pembelian aset yang digunakan dalam perniagaan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa syarat yang membolehkan tuntutan dibuat oleh koperasi antaranya adalah:

- Menjalankan perniagaan
- Membeli aset perniagaan
- Aset digunakan dalam perniagaan
- Dimiliki oleh koperasi

Kadar elaun modal yang ditetapkan adalah berdasarkan jenis aset yang digunakan. Bagi tahun pertama memiliki aset tersebut, koperasi boleh menuntut melalui elaun permulaan dan elaun tahunan serta bakinya adalah pada tahun berikut. Segala elaun modal boleh rujuk dalam jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Elaun Modal bagi Setiap Jenis Aset

Jenis aset	Elaun permulaan (%)	Elaun tahunan (%)
Kenderaan Bermotor dan Jentera Berat	20	20
Loji dan Jentera	20	14
Peralatan Pejabat, Perabot dan Lekapan	20	10
Komputer	20	20
Lain-lain	20	10

Penutup

Secara kesimpulannya, perancangan cukai yang baik bukan sahaja mewujudkan kesan terhadap koperasi tetapi juga pada ekosistem sesebuah negara. Koperasi yang dapat menjalankan perancangan cukai yang baik bukan sahaja memberikan kesan dalam jangka masa pendek seperti meningkatkan pendapatan dan pusingan modal bahkan ia juga dapat mengelakkan daripada dikenakan tindakan kepada ALK terutama kepada pengerusi, setiausaha dan bendahari akibat kesalahan menggunakan peruntukan yang ada dalam ACP1967 yang akhirnya akan mencemarkan imej koperasi. Bagi sesebuah negara pula, dengan meningkatnya tahap kesedaran cukai di semua sektor bukan sahaja ia dapat membantu kerajaan dalam mengurus perbelanjaan malah dapat meningkatkan peluang pekerjaan di kalangan anak tempatan, membangunkan ekonomi negara dan seterusnya dapat mengurangkan masalah pelarian cukai dan pengelakan cukai.

Walau bagaimanapun, perancangan cukai bukan perkara yang mudah kepada koperasi kerana ia sangat tertakluk dalam ruang lingkup yang telah ditetapkan oleh pihak LHDN. Penolakan, potongan dan *relief* yang diberikan oleh LHDN sememangnya memerlukan kemahiran dan ilmu percukaian yang tinggi serta disokong oleh sistem dokumentasi yang baik. Ini kerana sekiranya koperasi mempunyai kesalahan kefahaman atau terlebih tuntut dalam cukai tersebut ia boleh dikategorikan sebagai pelarian dan pengelakan cukai yang akhirnya boleh dikenakan penalti di bawah seksyen 112 sehingga 140 dalam ACP1967. Namun, ia bukan juga sesuatu yang mustahil untuk dilaksanakan oleh pihak koperasi dalam menjalankan perancangan cukai kerana terdapat banyak penawaran kursus-kursus yang dianjurkan khususnya dalam perspektif percukaian oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa).